

AL-HIKMAH

Jilid	15	ISSN 1985-6822	2023
No.	1		1444

- ANALISIS KANDUNGAN TERHADAP HASHTAG INSTAGRAM NGO ISLAM MALAYSIA DALAM MENGHADAPI COVID-19 ... 3-13
Muhamad Faisal Ashaari & Noor Hidayah Kassim
- DASAR PERLINDUNGAN TERHADAP MANGSA PEDOFILIA MENURUT UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA DAN PENGAWALANNYA MELALUI PROGRAM PENCEGAHAN ... 14-28
Mardziyah Binti Abdul Manaf
- GANGGUAN KESIHATAN MENTAL BERKAITAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN DAN KAEDAH MENGATASI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM ... 29-46
Norhayati Mazizi & Salasiah Hanin Hamjah
- GEJALA ATEIS MELAYU DAN HUBUNGANNYA DENGAN LIBERALISME ... 47-65
Nurul Syahiidah binti Fuad, Nozira binti Salleh & Indriaty binti Ismail
- PERSEPSI URUSETIA TERHADAP MAKNYAH DALAM KEM IBADAH ... 66-77
Irwan Mohd Subri, Mohd Hapiz Mahaiyadin, Andi Mohamad Zulfauzan, Muhamad & Muhamad Nasiruddin Asman
- PERANAN PROGRAM KEAGAMAAN TERHADAP KEBIMBANGAN DAN KEMURUNGAN DALAM KALANGAN BANDUAN WANITA ... 78-103
Siti Jamiyah Abdul Jalil, Rozmi Ismail, Yusmini Md Yusoff, Fariza Md. Sham, & Juwairiah Hassan

Al-Hikmah 15(1) 2023: 66-77

Persepsi Urusetia Terhadap Maknyah dalam Kem Ibadah

The Secretariat's Perception of Maknyah During a Worship Camp

IRWAN MOHD SUBRI, MOHD HAPIZ MAHAIYADIN, ANDI
MOHAMAD ZULFAUZAN MUHAMAD & MUHAMAD
NASIRUDDIN ASMAN

ABSTRAK

Isu maknyah di Malaysia sentiasa mendapat perhatian daripada pelbagai pihak. Maknyah merupakan istilah popular di Malaysia yang merupakan satu golongan dari kategori transgender. Terdapat pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh pihak yang ingin membantu maknyah untuk kembali kepada ajaran Islam yang sebenar. Antaranya, Kem Ibadah Maknyah yang telah dilaksanakan di Cameron Highlands anjuran Persatuan Insaf Pahang. Artikel ini bertujuan untuk mengkaji persepsi urusetia yang menguruskan program tersebut terhadap maknyah yang menjadi peserta. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui temu bual tidak berstruktur. Hasil kajian mendapati urusetia bagi program tersebut bersikap optimis terhadap maknyah dan mengharapkan usaha mereka ini mampu menjadi pendorong perubahan maknyah ke arah cara hidup Islam yang sebenar.

Kata kunci: *Persepsi, program pemulihan, urusetia, maknyah, transgender, LGBT*

ABSTRACT

The issue of maknyah in Malaysia has always attracted attention from many sides. Maknyah is a popular term in Malaysia that is one of the categories of transgender. There are various activities carried out by parties who want to help maknyah to return to the true teachings of Islam. Among them, the Maknyah Worship Camp was held in Cameron Highlands, organized by the Insaf Pahang Association (Persatuan Insaf Pahang). This article aims to study the perception of the urusetia that manages the program towards the maknyah that becomes a participant. The study uses qualitative methods through unstructured interviews. The results of the study found that the urusetians of the program were optimistic about maknyah and hoped that their efforts could be an incentive to make changes to the true Islamic way of life.

Keywords: *Perception, rehabilitation program, secretariat, maknyah, transgender, LGBT*

Received: 1 Jun 2023

Accepted: 26 June 2023

Revised: 23 Jun 2023

Published: 30 June 2023

PENDAHULUAN

Perbuatan menyeru ke arah kebaikan dan melarang manusia daripada kejahatan merupakan amalan yang disukai oleh Allah. Firman Allah SWT:

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ الْمُسْلِمِينَ

Maksudnya: “Dan siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah dan mengerjakan kebajikan dan berkata, “Sungguh, aku termasuk orang-orang Muslim (yang berserah diri)?”

(al-Quran, Fussilat 41:33)

Berdasarkan firman Allah tersebut, tugas mengajak manusia mendekati Allah, iaitu menyeru manusia mentaati perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya adalah perbuatan yang mulia dan terbaik.

Menurut Fariza Hanan (2016), masyarakat pada hari ini adalah masyarakat yang dipengaruhi oleh perkembangan ilmu yang berteraskan kebendaan. Ilmu yang dikejar hanyalah ilmu yang bersifat duniawi yang menjanjikan pulangan kebendaan segera dan yang tidak menjanakan ketaqwaan. Rentetan dari itu, maka lahirlah pelbagai golongan yang mula hanyut dari landasan Islam yang sebenar. Salah satunya adalah golongan maknyah. Mereka sanggup mengubah sifat kelelakian mereka dan bertukar kepada wanita hanya kerana mahu menyara kehidupan dan mencari mata wang.

Istilah maknyah sering dikaitkan dengan perkataan transeksual dan transgender. Dalam ‘Manual Islam dan Maknyah’ terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM 2013), istilah maknyah merujuk kepada lelaki transeksual, iaitu lelaki mukhannas yang mahukan jantina yang lain dari jantina semasa mereka dilahirkan. Maknyah berbeza dengan golongan khunsa yang pada asasnya bermaksud orang yang dilahirkan dalam keadaan dwi jantina.

Abdul Hadi et.al (2021) menyatakan bilangan wanita transgender (maknyah) di Malaysia telah meningkat dengan cepat. Seiring dengan kenaikan ini, masalah kesihatan yang berkaitan dengan populasi ini juga telah berkembang. Ini turut dinyatakan oleh Muhammad Adam et.al (2020) di mana berlaku perkembangan yang ketara terhadap jumlah golongan maknyah di Malaysia. Perkembangan ini juga turut dipengaruhi oleh organisasi mereka yang bergerak aktif menyebarkan pengaruh dan menuntut hak-hak mereka dalam komuniti.

Menurut Noor Hafizah & Norsaleha (2016) ketika menerangkan ancaman gerakan LGBT (iaitu singkatan lesbian, gay, biseksual dan transeksual) terhadap keamanan dan keharmonian beragama di negara ini berpendapat bahawa gejala ini telah menjadi cara hidup yang diterima oleh masyarakat luar dan kini telah mula meresap ke dalam ruang atmosfera umat Islam di Malaysia. Perbincangan mengenai faktor penyumbang perkembangan golongan ini sehingga mereka mampu membentuk komuniti tersendiri pula adalah disebabkan sikap masyarakat umum yang sentiasa meletakkan 'stigma' dan 'judge mental' terhadap kumpulan ini selain capaian teknologi maklumat tanpa batasan. Malah, telah wujud aplikasi dalam talian yang mampu menghubungkan kumpulan-kumpulan ini secara maya seterusnya membina jaringan yang lebih kukuh.

Wan Amir Azlan et.al (2021) menyatakan walaupun Malaysia tidak mengiktiraf hak transgender kerana asas prinsip undang-undang Syariah dan nilai Islam namun golongan ini tidak sepatutnya didiskriminasi dalam semua bentuk. Begitu juga Teh, Y. K. (2001) yang menyatakan harapan agar transeksual (termasuk maknyah) di Malaysia dapat diterima seperti warganegara lain di Malaysia tanpa sebarang diskriminasi dan prejudis.

Dari perspektif yang lain, kegiatan dakwah harus diperkasakan dan diperluaskan agar tidak berlaku keciciran mad'u terutamanya kumpulan minoriti seperti kumpulan LGBT khususnya maknyah. Selain itu, para pendakwah juga haruslah menggunakan pendekatan yang efektif dan pelbagai dalam proses menyampaikan nilai-nilai hidup Islam yang sebenar kepada kumpulan LGBT dengan berkesan. Antara pendekatan yang sesuai digunakan dalam aktiviti dakwah dalam menyantuni kumpulan LGBT ialah dakwah *bi al-hal*, dakwah melalui hiburan, dakwah melalui pembinaan sosial dan dakwah melalui pembangunan sahsiah (Noor Hafizah et.al, 2016).

Sehubungan dengan itu, usaha dakwah golongan ini perlulah dilakukan untuk mengajak mereka kembali mematuhi fitrah ajaran Allah SWT. Nurul Syahira et.al (2019) menyatakan, di samping asas-asas Islam yang perlu diterapkan secara dasarnya, perlu dipelbagaikan usaha yang berhikmah untuk mendekati dan menghadapi golongan ini.

Kegiatan LGBT telah pun berkembang pesat dalam kehidupan masyarakat pelbagai agama, bangsa dan negara di seluruh dunia. Jaringan kegiatan ini juga telah terbentuk di Malaysia dan ianya terus berkembang tanpa kita sedari melalui pelbagai pembentukan kumpulan-kumpulan NGO yang telah aktif memperjuangkan hak golongan LGBT. Walaupun cara hidup dan tuntutan kumpulan tersebut bertentangan dengan prinsip Islam dan norma kehidupan masyarakat yang normal, kegiatan LGBT terus berkembang dalam kehidupan masyarakat. Oleh itu, satu pendekatan dakwah diperlukan bagi mengawal penularan dan percambahan jaringan

LGBT terutamanya di kalangan umat Islam di Malaysia. Pendekatan dakwah yang sesuai ialah pendekatan secara berhemah dan lemah lembut kepada golongan LGBT bagi memberi peluang kepada mereka kembali kepada jalan yang sebenar yang selaras dengan tuntutan ajaran Islam (Siti Nur Habibah & Khazri Osman, 2022).

Siti Mardiyah et.al (2019) menyatakan kaedah dakwah berkonsepkan ‘rahmatan lil alamin’ di samping pendekatan secara berhikmah dan berterusan memberi impak yang baik terhadap pembangunan sahsiah golongan ini untuk kembali kepada fitrah asal.

Pelbagai usaha dakwah dan program santunan dilakukan oleh pihak yang prihatin terhadap golongan ini. Antaranya ialah JAKIM, Jabatan Agama Islam Negeri-negeri, *Non-Government Organization* (NGO) dan sebagainya. Penulis berpeluang menyertai aktiviti ini melalui hasil usaha sama Persatuan Insaf Pahang (PIP), JAKIM, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Pejabat Kesihatan Negeri Pahang (JKNP) dan Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP).

Antaranya ialah program yang dinamakan sebagai Kem Ibadah Maknyah yang berlangsung selama 4 hari iaitu pada 18 hingga 21 Ogos 2017, bertempat di Pusat Latihan Dakwah Ad-Diniah Cameron Highlands. Pelbagai cabaran telah dilalui oleh para urusetia sepanjang melaksanakan program ini. Ia telah mendorong penulis untuk melakukan kajian dengan tema ‘Persepsi Urusetia Terhadap Maknyah’ sepanjang program tersebut berlangsung. Kajian ini dilaksanakan secara kualitatif melalui kaedah temu bual tidak berstruktur.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui cara temu bual tidak berstruktur. Temu bual adalah elemen penting dalam pendekatan penyelidikan kualitatif itu sendiri. Kaedah ini dilakukan sekiranya pengkaji tidak dapat melihat dan memerhati keadaan sebenar sesuatu perkara seperti fikiran dan perasaan individu serta peristiwa yang tidak nampak seperti peristiwa masa lalu. Dalam kajian ini temu bual tidak berstruktur dijalankan kepada urusetia Kem Ibadah Maknyah manakala hasil temubual dianalisis secara deskriptif.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Profil Informan

Informan kajian adalah seramai lima orang dan mereka terdiri daripada kategori peringkat umur yang sama iaitu 20-25 tahun (100%). Dari aspek pendidikan pula, kajian juga mendapati kesemua daripada mereka (100%) menuntut di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Cawangan Kuantan.

Jadual 1: Latar Belakang Informan Kajian

No	Informan	Umur	Pendidikan
1	IN1	25	UIAM Kuantan
2	IN2	25	UIAM Kuantan
3	IN3	24	UIAM Kuantan
4	IN4	24	UIAM Kuantan
5	IN5	24	UIAM Kuantan

Dapatan Kajian

Berdasarkan kajian temubual tidak berstruktur yang dilakukan, terdapat lima kategori jawapan yang diberikan. Jadual 2 berikut adalah perincian mengenai kajian yang dijalankan:

Jadual 2: Persepsi Urusetia Terhadap Mak Nyah

Soalan	Informen				
	IN1	IN2	IN3	IN4	IN5
Soalan 1: Berapa lama terlibat dengan program maknyah?	2 tahun	2 tahun	1 tahun	1 tahun	1 tahun
Soalan 2: Siapa yang mendorong anda terlibat?	Pensyarah	Pensyarah	Pensyarah	Pensyarah	Pensyarah
Soalan 3: Apa persepsi anda terhadap maknyah?	Negatif pada awalnya	Negatif pada awalnya	Negatif pada awalnya	Negatif pada awalnya	Negatif pada awalnya
Soalan 4: Adakah maknyah memberi kerjasama dalam kem ibadah ini?	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya
Adakah maknyah boleh berubah melalui program kem ibadah sebegini?	Agak sukar	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak

1) Berapa lama terlibat dengan program Maknyah?

Dapatan kajian mendapati dua orang iaitu IN1 dan IN2 telah terlibat dengan program maknyah selama 2 tahun (40%). Manakala tiga orang lagi iaitu IN3, IN4 dan IN5, masing-masing terlibat selama setahun (60%).

2) Siapa yang mendorong anda terlibat?

Kelima-lima mereka iaitu 100% melibatkan diri dengan program maknyah atas ajakan pensyarah mereka yang juga penganjur utama program ini, iaitu Prof Madya Dr Samsul Draman.

3) Apa persepsi anda terhadap maknyah?

Kelima-lima mereka iaitu 100% mempunyai persepsi negatif sebelum terlibat dengan program ini. Namun, setelah terlibat, mereka optimis dan berharap agar usaha mereka ini dapat membawa golongan ini kembali menjadi lelaki sebenar.

4) Adakah maknyah memberi kerjasama dalam kem ibadah ini?

Kelima-lima mereka iaitu 100% mengatakan bahawa golongan ini sangat memberi kerjasama dalam program ini. Namun, IN1, IN4 dan IN5 mengakui bahawa mereka perlu bersabar lebih kerana golongan ini mempunyai mulut yang agak celupar. Namun secara keseluruhan, golongan ini memberikan kerjasama sepanjang program berlangsung

5) Adakah maknyah boleh berubah melalui program kem ibadah sebegini? Kelima-lima mereka iaitu 100% mengatakan agak sukar untuk mereka berubah melalui program ini. Cuma apa yang mereka harapkan paling-paling mereka mula bersama-sama dengan solat.

IN4 dan IN5 menambah, bahawa ketika berhadapan dengan golongan ini, dilarang sama sekali daripada mengatakan bahawa para urusetia mahu mengubah mereka menjadi lelaki sebenar, kerana itu perkara yang paling tidak disukai oleh mereka.

IN1 pula berkata bahawa dia mempunyai harapan agar mereka dapat berubah dengan menyertai program ibadah ini. IN3 pula menambah bahawa kalau tidak boleh berubah 100 peratus sekalipun, diharapkan supaya mereka dapat berubah sebanyak 10 peratus pun sudah memadai iaitu sekurang-kurangnya bermula dengan mengerjakan fardu solat.

IN2 pula yang sudah terlibat selama dua tahun mengakui bahawa walaupun program ini tidak mampu mengubah kesemua peserta maknyah yang terlibat, namun terdapat beberapa orang yang bertemu dengan mereka selepas program dan meminta dapat dibimbing untuk melalui proses perubahan.

Perbincangan

Kajian ini menunjukkan usaha dakwah merupakan tanggungjawab seluruh umat Islam. Hal ini berasaskan firman Allah SWT :

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Maksudnya: “Kalian adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada ma’ruf, mencegah dari yang mungkar, dan beriman kepada Allah.”

(al-Quran, Ali Imran 3:110)

Rentetan dari itu, usaha dakwah ini perlu dilakukan oleh setiap orang Islam yang menghayati firman Allah ini. Setiap kumpulan dakwah, mempunyai sasaran dakwah masing-masing. Begitu juga dengan kumpulan mahasiswa Universiti Islam Antarabangsa Cawangan Kuantan ini yang menjadikan sasaran dakwah mereka dari golongan maknyah.

Kajian ini menumpukan kepada persepsi urusetia program terhadap maknyah. Kajian dimulakan dengan mengkaji tempoh mereka terlibat dengan usaha dakwah dan program ibadah maknyah. Sebagaimana yang dinyatakan dalam dapatan kajian, tempoh para urusetia terlibat dengan program ini adalah dalam lingkungan setahun dan dua tahun. Perkara ini mungkin disebabkan oleh ajakan pensyarah mereka sendiri iaitu Prof Madya Dr Samsul sebelum mereka menamatkan pengajian di UIAM.

Golongan ini boleh dikategorikan sebagai golongan gay kerana mereka dilahirkan sebagai lelaki dan mempunyai nafsu syahwat homoseksual iaitu terhadap lelaki, namun yang membezakan mereka dengan lelaki sebenar adalah perwatakan lembut mereka yang menyerupai perempuan. Mengikut rekod sejarah Islam, usaha untuk berdakwah terhadap golongan ini bukan hanya berusia setahun dua, malah berdurasi lamanya semenjak zaman Nabi Luth AS.

Menurut Amran, Fatimah & Khadijah (2013), penulisan fiqh tidak menyebut tentang orientasi seksual (homoseksual) tetapi sebaliknya hanya merujuk kepada *khunsa* sebagai terma bagi orang yang mengalami permasalahan jantina. Isu yang lebih berkait dengan lelaki lembut atau transeksual ini merujuk kepada zaman Kaum Nabi Luth. Mereka dikatakan sebagai pelampau dari segi sikap dan tingkah laku yang berorientasikan seksual sesama jantina.

Berdasarkan perkara ini nyatalah bahawa usaha dakwah terhadap golongan ini sebenarnya sudah bermula sekian lama. Namun, dalam masyarakat Islam di Malaysia, program dakwah kepada golongan ini masih baru dan belum diterima masyarakat secara keseluruhannya.

Kajian kemudiannya diteruskan dengan siapakah yang mendorong mereka terlibat dalam program ini. Kesemua informan mengakui bahawa faktor ajakan dari pensyarah mereka sendiri, iaitu Prof Madya Dr Samsul Draman menjadi pendorong mereka untuk terlibat dalam program ini.

Prof Madya Dr Samsul Draman merupakan salah seorang pensyarah di UIAM Cawangan Kuantan. Beliau merupakan ‘orang kuat’ di sebalik

program maknyah di Negeri Pahang. Hasil daripada usaha yang dilaksanakan, beliau telah berjaya menarik beberapa maknyah dan menubuhkan Persatuan Insaf Pahang dengan dipengerusikan salah seorang bekas maknyah iaitu, Hj Mohamad Bakri Abu Bakar atau lebih dikenali dengan panggilan ‘Kak Jun’.

Kajian diteruskan lagi dengan bertanyakan persepsi mereka sebagai urusetia terhadap maknyah. Kesemua mereka mengakui, bahawa mereka mempunyai persepsi negatif sebelum terlibat dengan program ini. Namun, persepsi mereka berubah selepas menguruskan kem ibadah ini. Mereka mengharapkan bahawa sekurang-kurangnya sinar harapan untuk golongan ini untuk kembali berubah kepada ajaran Islam yang sebenar masih ada.

Hakikatnya, persepsi negatif yang timbul sebelum terlibat dengan program ini boleh terjadi kepada semua orang dan penulis sendiri mengakui perkara ini. Oleh kerana itulah, dalam Berita Harian Online (13 Februari 2019), Hj Bakri atau Kak Jun mengatakan bahawa masyarakat perlu memainkan peranan terhadap golongan maknyah, iaitu dengan tidak menghina mahupun menyisih mereka. Sebaliknya, masyarakat diminta untuk membimbing mereka ke jalan yang benar. Sekiranya golongan ini disisihkan, ia akan merosakkan institusi masyarakat sekaligus mewujudkan komuniti terpinggir.

Kajian seterusnya dilakukan untuk mengkaji sekiranya maknyah memberikan kerjasama dalam program ibadah ini. Kesemua mereka mengakui bahawa golongan ini sangat memberikan kerjasama sepanjang program berlangsung. Berdasarkan pemerhatian sendiri yang turut dilakukan oleh penulis, golongan ini sememangnya menghormati jadual program yang ditetapkan.

Kajian ini diakhiri dengan persoalan apakah maknyah boleh berubah dengan program ibadah seperti ini. Kesemua mereka mengatakan bahawa ianya sukar, namun mereka semua optimis untuk melihat perubahan mereka. IN1 ketika ditemu bual mengatakan:

“Kalau sekadar program one-off macam ni, susah untuk diorang (mereka) berubah, tapi memang lah harapan utama kita untuk lihat diorang (mereka) ini berubah”.

IN3 pula mengatakan:

“Kita tak mengharapkan banyak. Kalau tak dapat ubah 100 peratus pun, kalau 10 peratus je pun dah Alhamdulillah. Especially kalau diorang (mereka) dapat mula jaga solat”.

Harapan IN3 ialah para maknyah dapat menjaga dan melaksanakan ibadah solat kerana ia merupakan asas agama Islam yang sangat penting.

IN3 meyakini bahawa solat dapat membantu mereka untuk kembali kepada ajaran Islam yang sebenar.

Amran dan Noriah (2014) menyebut, kembali kepada ajaran agama adalah salah satu rawatan yang baik. Kaedah-kaedah penghayatan terhadap agama masing-masing mengikut tatacara tertentu dapat membantu membetulkan golongan homoseksual ini daripada berada pada jalan yang songsang.

IN2 pula memberitahu:

“Sebenarnya susah kalau sekadar program ni je. Dia kena berterusan, selepas ni kalau boleh jumpa setiap minggu. Tapi memang pengalaman program lepas, ada satu dua orang yang jumpa balik kitorang (kami) dan minta kita tolong bimbing diorang (mereka) untuk berubah. Memang ada”.

Secara umumnya, para urusetia berpendapat bahawa adalah sukar untuk golongan ini berubah melalui satu program kem ibadah sahaja, namun, sekiranya aktiviti berkaitan diteruskan, diharapkan perasaan insaf untuk kembali kepada ajaran Islam yang sebenar akan timbul dalam kalangan maknyah.

PENUTUP

Usaha dakwah terhadap golongan maknyah merupakan suatu usaha yang sangat mencabar dan memerlukan masa yang panjang. Namun begitu usaha dakwah terhadap mereka perlu diteruskan bagi membawa mereka kembali kepada fitrah dan ajaran Islam yang sebenar. Sebagai implikasi kajian, penulis berpendapat bahawa JAKIM dan pihak agensi dakwah perlu menyediakan satu modul dakwah maknyah yang menerangkan cara berdakwah dan berinteraksi dengan golongan ini. Selain itu, modul fiqh maknyah juga diperlukan untuk membantu pendakwah menyantuni para maknyah. Hal ini kerana, penulis mendapati bahawa terdapat isu-isu syariaah yang timbul semasa melakukan aktiviti dakwah kepada maknyah terutama yang berkaitan jantina.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

PENGHARGAAN

Tiada

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim.
- Abdul Hadi Said, Farah Natashah Mohd, Samsul Draman, Mohd Aznan Md Aris & Rawahah Husna Ramli. 2021. Transgender Women In Malaysia: A Review of Health Related Issues And Challenges. *International Journal of Research in Pharmaceutical Sciences*. 12(2):1188-1193.
- Ahmad Sunawari Long. 2014. *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit UKM.
- Amran Hassan, Fatimah Yusoof, & Khadijah Alavi. 2013. Transeksualiti: Suatu Analisis daripada Perspektif Islam dan Perspektif Keluarga dalam Konteks Kesejahteraan Sosial. *Jurnal Perspektif* 5(1): 39-52.
- Amran Hassan & Noriah Mohamed. 2014. Alternatif Keagamaan dan Kaunseling: Sebagai Rawatan Utama Mengatasi Permasalahan Homoseksualiti. *Journal of Human Development and Communication* 3: 79-92.
- Berita Harian Online. 2019, Februari 13. INSAF bantu mak nyah kembali ke pangkal jalan, <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/02/530404/insaf-bantu-mak-nyah-kembali-ke-pangkal-jalan>
- Fariza Hanan Muhamad. 2016. *Uslub Dakwah Menurut Perspektif Islam*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- JAKIM. 2013. *Manual Maknyah dan Islam*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Muhammad Adam Abd. Azid, Nur Syuhada Mohd Subri & Khadher Ahmad. 2020. Mak Nyah dan Perkembangannya di Malaysia. *RABBANICA* 1(1): 19-34.
- Noor Hafizah Mohd Haridi & Norsaleha Mohd Salleh. 2016. Kumpulan Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender (LGBT) Ancaman Terhadap Keamanan Dan Keharmonian Beragama Di Malaysia. *Islam Realitas: Journal of Islamic and Social Studies* 2(2): 1-22.
- Noor Hafizah Haridi, Kamal Azmi Abd Rahman & Rosni Wazir. 2016. Metodologi Dakwah Terhadap Golongan Lesbian, Gay, Bisexual Dan Transgender (LGBT). *Jurnal Pengajian Islam* 9(2): 103-119.
- Nurul Syahira Mohamed, Fadlan Mohd Othman & Latifah Abd Majid. 2019. Gejala Mak Nyah: Sorotan Awal Kajian dari Sudut Perspektif Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(3): 59-69.
- Siti Mardiyah Kamal Azhar, Maisarah Saidin & Muhammad Najmi Md Aziman. 2019. Kerahmatan Islam Dalam Mendepani Golongan LGBT. *Prosiding 6th International Conference on Quran as*

- Foundation of Civilisation (SWAT 2019)*. 8-9 Oktober 2019. Fakulti Pengajian Quran & Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Siti Nur Habibah & Khazri Osman. 2022. Pendekatan Dakwah terhadap Golongan LGBT. *Prosiding Seminar Dakwah & Wahdah al-Ummah 2022*. 14-15 Julai 2022. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Amir Azlan Wan Haniff, Siti Mariam Atan, Rahmawati Mohd Yusoff, Rosnani Mohd Salleh & Zulhazmi Yusof. 2021. Transgender Rights in Accordance with Civil & Sharia Law: Malaysia and Asean Perspectives. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(3), 1305-1320.
- Yik Koon Teh. 2001. Mak Nyahs (Male Transsexuals) in Malaysia: The Influence of Culture and Religion on their Identity. *The International Journal of Transgenderisme (IJT)*. 5.3.

Senarai Pengarang:

Prof. Dr. Irwan Mohd Subri (Penulis Penghubung)
Profesor
Fakulti Syariah dan Undang-Undang &
Penyelidik, Institut Fatwa dan Halal (IFFAH) &
MyGIFT (Gender Identity Through Fitrah Reinforcement),
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
71800 Nilai
Negeri Sembilan.
E-mel: irwan@usim.edu.my

Dr. Mohd Hapiz Mahaiyadin
Pensyarah Kanan
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
Universiti Teknologi MARA
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang.

Andi Mohamad Zulfauzan Muhamad
Eksekutif Penyelidik
Usuli Faqih Research Centre PLT,
71800 Nilai
Negeri Sembilan.

Muhamad Nasiruddin Asman
Eksekutif Penyelidik
Usuli Faqih Research Centre PLT,
71800 Nilai
Negeri Sembilan.